



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

PERASMIAN HARI TERBUKA INDUSTRI KATERING KPDNHEP
DAN PELANCARAN PELAN TINDAKAN INDUSTRI KATERING 2020

TEMA:

“MEMACU INDUSTRI KATERING DAN KESEDARAN PENGGUNA”

PADA

3 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

TEMPAT

FOYER & DEWAN SERBAGUNA KPDNHEP PUTRAJAYA

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

SALUTASI

(Akan disediakan pada hari majlis)

ALUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin merakam ucapan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri, YBhg. Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sebelum ke dewan ini, saya sempat mengadakan sesi *walkabout booth* atau gerai pameran.
2. Hari Terbuka Industri Katering KPDNHEP pada hari ini, mengumpulkan penyertaan daripada pengusaha katering, industri sokongan, kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang memberi bantuan dan kemudahan kepada usahawan, universiti awam dan swasta serta institusi latihan, pembekal bahan mentah dan agensi-agensi serta bahagian-bahagian dan agensi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sendiri. Terima kasih sekali lagi diucapkan.

SENARIO SEMASA INDUSTRI KATERING DI MALAYSIA

Hadirin sekalian,

3. Berdasarkan **bancian Jabatan Perangkaan Malaysia** pada tahun 2010 dan 2015, kita dapat melihat yang industri perkhidmatan katering ini telah meningkat dengan baik dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara. Sumbangan industri katering kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah **meningkat daripada RM3.6 bilion pada tahun 2010 kepada RM5.8 bilion pada tahun 2015.**

4. Demikian juga dengan bilangan penyertaan dalam industri katering yang meningkat dari **12,318 syarikat pada tahun 2010 kepada 16,348 pada tahun 2015.** Seiring dengan peningkatan ini, kita dapat melihat **bilangan pekerja telah meningkat dari sejumlah 72,892 orang pada tahun 2010 kepada 99,522 pada tahun 2015.** Demikian juga dengan gaji dan upah yang turut meningkat dari **sejumlah RM532 juta pada tahun 2010 kepada RM985 juta pada tahun 2015.**

5. Untuk makluman, **pada tahun 2014, KPDNHEP hanya menerima lima (5) aduan berbanding tahun 2018 yang telah meningkat kepada 65 aduan.** Demikian juga dengan nilai tuntutan di **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) yang telah menerima sejumlah RM414,645.00 pada tahun 2018 berbanding hanya RM22,000.00 pada tahun 2014.**

6. Justeru, KPDNHEP merasakan perlunya pelaksanaan langkah-langkah dan program bagi memastikan statistik aduan dan tuntutan tidak terus meningkat dan memastikan hak-hak pengguna terus terpelihara. KPDNHEP percaya langkah proaktif yang diambil dengan merangka **Pelan Tindakan Industri Katering 2020** dengan tema “**Memacu Industri Katering dan Kesedaran Pengguna**”, sedikit sebanyak akan membantu industri perkhidmatan katering membangun dengan lebih tersusun.

PELAN TINDAKAN INDUSTRI KATERING (PETIK) 2020

Hadirin sekalian,

7. **Pelan Tindakan Industri Katering (PETIK) 2020** ini menyasarkan *outcome* Peningkatan Pelindungan Pengguna dan Pengukuhan Industri Katering di Malaysia. PETIK ini mempunyai tiga (3) teras utama iaitu:
 - (i) **Teras 1**
Membangunkan Ekosistem Perkhidmatan Katering Berasaskan Kepentingan Pengguna
 - (ii) **Teras 2**
Menggerakkan Industri Katering Dengan Lebih Berdaya Saing, Progresif dan Mapan
 - (iii) **Teras 3**
Katering Sebagai Kerjaya Pilihan

8. Pelan ini disediakan dengan objektif agar semua pihak dapat **mengembleng tenaga dan fikiran untuk memastikan industri katering dapat berkembang dengan lebih baik**. Program-program pembangunan industri katering dan kesedaran pengguna telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2020 oleh KPDNHEP dan agensi yang berkenaan.
9. Sempena dengan Pelancaran Pelan Tindakan Industri Katering 2020 ini, KPDNHEP turut menganjurkan **Hari Terbuka Industri Katering** pada hari ini. KPDNHEP selaku tuan rumah telah menjemput semua pihak yang berkenaan untuk sama-sama memeriahkan hari terbuka ini. Kementerian dan Agensi Kerajaan yang turut bersama-sama KPDNHEP pada hari ini ialah:
- (i) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
 - (ii) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
 - (iii) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
 - (iv) SME Corporation Malaysia (SME Corp);
 - (v) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN);
 - (vi) Tekun Nasional; dan
 - (vii) JobsMalaysia.
10. Kehadiran semua Kementerian dan agensi ini adalah untuk **mempromosikan kemudahan dan program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu industri katering berkembang dengan lebih baik dan tersusun**. Diharapkan pengusaha-pengusaha katering dapat memanfaatkan usaha mengumpulkan semua Kementerian dan agensi ini sebaik-baiknya.

11. Selaras dengan **Teras Ketiga Pelan Tindakan Industri Katering 2020** iaitu “**Katering Sebagai Kerjaya Pilihan**”, kita turut menerima kehadiran wakil dan pelajar dari universiti awam, universiti swasta dan institusi kemahiran yang menawarkan kursus-kursus berkaitan katering dan kulineri iaitu:
- (i) Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA (UiTM);
 - (ii) School of Hospitality and Creative Arts, Management and Science University (MSU); dan
 - (iii) Kolej Komuniti Selayang.
12. Selain itu, universiti dan institusi ini turut mempromosikan program dan kursus jangka pendek serta pembelajaran berterusan atau pembelajaran sepanjang hayat. Pengusaha katering boleh memanfaatkan peluang ini untuk mengenalpasti kursus dan program yang bersesuaian dengan mereka sendiri dan pekerja-pekerja mereka untuk **memastikan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang ini dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa**.
13. Pelan Tindakan Industri Katering 2020 dan Hari Terbuka pada hari ini turut mendapat sokongan dan komitmen daripada industri katering sendiri yang pada hari ini diwakili oleh **Koperasi Kerjasama Katerer Berhad (Kater)** dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang menyokong industri katering.

PERSATUAN SEBAGAI *FOCAL POINT* PEMUDAHCARA ANTARA INDUSTRI DAN KEMENTERIAN

14. KPDNHEP sentiasa menggalakkan agar industri mempunyai sebuah persatuan atau pertubuhan yang kuat dan tersusun termasuk industri katering ini. Kita telah menyaksikan bahawa industri yang mempunyai persatuan yang kuat dan tersusun mampu bertindak sebagai pendesak dan pembantu kepada kerajaan dalam pembentukan dasar-dasar berkaitan industri tersebut. Persatuan juga boleh menjadi pemudahcara atau fasilitator di antara pihak industri dan Kerajaan.
15. Selain itu, sebuah persatuan mampu mengamalkan pengawal seliaan sendiri di kalangan ahli dengan campur tangan yang minimum oleh Kerajaan dan secara tidak langsung dapat memberi bimbingan kepada ahli-ahlinya. Seperti kata-kata orang lama “bersatu kita teguh, bercerai kita roboh”. Oleh itu, KPDNHEP berharap semua pengusaha Katering dapat bernaung di bawah satu persatuan.
16. KPDNHEP juga cuba mencari persatuan dan pertubuhan berkaitan Katering ini dan kita telah bertemu dengan **Koperasi Kerjasama Katerer Berhad (Kater)**. Untuk makluman semua, Kater telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk membantu Kementerian menjayakan Hari Terbuka Industri Katering pada hari ini. Selain itu, kita juga ada ***Feed My Guest***, sebuah platform online yang mengumpulkan lebih daripada 200 penyedia perkhidmatan katering di mana pengguna boleh mendapatkan perkhidmatan katering melalui platform dalam talian ini.

INISIATIF FOOD BANK MALAYSIA

17. KPDNHEP telah melancarkan inisiatif Food Bank secara rasminya pada 22 Disember 2018. Program ini menyasarkan untuk menyelamatkan makanan yang masih elok dan selamat dimakan dan diagihkan dengan optimum untuk memberi manfaat kepada hampir dua (2) juta orang rakyat Malaysia yang memerlukan. Sejak dari pelancaran tersebut, beberapa kejayaan KPDNHEP ialah penubuhan Yayasan Food Bank, Pelaksanaan Food Bank Siswa di 20 universiti awam dan Food Bank Malaysia @ Pasar Tani.

18. Sehubungan itu, pada hari ini saya menjemput para pengusaha katering untuk berkerjasama dengan KPDNHEP bagi meluaskan program ini dengan penglibatan para pengusaha katering. Koperasi Kerjasama Katerer Berhad (KATER) dan *Feed My Guest* boleh mewakili para pengusaha katering yang bernaung di bawah organisasi masing-masing untuk membincangkan kerjasama yang lebih tersusun dengan Yayasan Food Bank.

PENUTUP

19. Sebagai kesimpulan, KPDNHEP sentiasa memberikan komitmen untuk membangunkan industri dalam negara dan dalam masa yang sama melindungi hak-hak dan kepentingan pengguna. Pelan Tindakan Industri Katering 2020 (PETIK) merupakan satu lagi usaha kerajaan untuk memenuhi komitmen ini.

20. Diharapkan PETIK 2020 ini akan mengeratkan hubungan dan kerjasama serta merapatkan jurang antara agensi kerajaan dan industri, pihak industri dengan industri, selain kerjasama erat antara industri dan institusi pengajian tinggi dan seterusnya memastikan ekosistem industri katering berkembang dengan lebih baik. Dengan komitmen dan kerjasama semua pihak yang ditunjukkan pada hari ini, saya yakin dan percaya yang Pelan Tindakan Industri Katering 2020 (PETIK) akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

21. Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini merasmikan Hari Terbuka Industri Katering KPDNHEP dan melancarkan Pelan Tindakan Industri Katering 2020.

Sekian, Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.